

24 NOVEMBER 2017

**Lalok 'pandu lalu'**

**LALOK 'PANDU LALU'**

**Penagih ambil stok dadah melalui 'operator' di kawasan semak, berbukit ditangkap**

**Dalam serban berakhir jam 1 tengah merampas 200 pekot heroin seberat 300.8 gram bernilai lebih RM8,000\***

\*Nurul Hafiz

**SIRAJ MOHD ZAHRI**  
siraj@metro.com.my

**Klang**

Sebidang tanah dipembi semak-saman dan berbukit di Bandar Puteri di sini, mungkin dianggap selamat bagi ratusan penagih untuk mendapatkan stok dadah secara 'pandu lalu' sejak beberapa bulan lalu.

bagi memastikan ia selamat daripada diserbu pihak berkuasa, 'port' yang beroperasi 24 jam itu dikatakan turut dikawal beberapa individu sama ada pada waktu siang atau malam.

Lokasi dilatarbelakangi 'syurga' itu strategik kerana terletak bersebelahan jalan selatan keadaan tanah berbukit memudahkan mereka menerima sebarang pergerakan sehinggalah.

Malah, cara penagih mendapatkan bahan haram itu juga malah kerana hanya perlu memunggang motosikal menemui seorang 'operator' di kawasan itu hanya dalam tempoh beberapa minit.

"Bakar" itu hanya menghantar 100 pekot heroin pada waktu siang dengan menaiki motosikal dan jumlah sama akan dihantar kepada 'operator' sekiranya kehabisan stok.

Kawasan itu turut menyediakan tempat menagih kerana terdapat beberapa khemah kamarnya.

sebagai tempat berteduh yang dipercayai boleh memuatkan puluhan individu.

Sarang dadah yang hanya mempunyai satu jalan masuk dengan jambatan kecil itu dilitar sulat disempusi pihak berkuasa kerana mereka mahu melarikan diri ke kawasan paya berhampiran.

Ragimnagapan, kebatalan 'port' itu tidak bertahan lama apabila diserbu Bahagian Sasatan Jenayah Narkotik (BSNJ), Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan dengan kerjasama Special Reaction Response & Investigation Key Initiators (SRRKI) Agensi Amni Dadah Kebangsaan (AADK) menerusi Ops Sarang Bersesapa, semalam.

Ketua BSNJ Klang Selatan Asisten Superintendan Nurul Hafiz Mohamad berkata, serban yang disertai 26 pegawai dan anggota ini dilakukan ketika 'operator' berkenaan sedang lena tidur, jam 6 pagi.

Menurut beliau, operasi hasil risikan selama sebulan itu berhasil apabila berjaya menyahkan dua tokan dadah dan 37 penagih berusia 18 hingga 50 tahun.

"Dalam serban berakhir jam 1 tengah hari tadi (semalam), kita turut merampas 200 pekot heroin seberat 300.8 gram dianggarkan bernilai lebih RM8,000.

"Selain penagih memunggang motosikal, tiga pemandu kereta meletakkan kenderaan di tepi jalan dan berjalan masuk ke kawasan itu turut ditahan untuk susatan lanjut," katanya yang mengurtai operasi itu.

Katanya, siasatan awal mendapati sepeket dadah dijual dengan harga RM40 dan kedua-dua tokan berkenaan masih muda berusia 18 tahun.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 398D, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 311, Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983," katanya.

**ANGGOTA** polis Klang menahan tokan dadah yang membawa 100 pekot heroin dalam Ops Sarang Bersesapa di Bandar Puteri.